



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020

## Pengajian Am (900)



# KANDUNGAN

Pengajian Am (900/1) .....	<i>1 – 6</i>
Pengajian Am (900/2) .....	<i>7 – 12</i>
Pengajian Am (900/3) .....	<i>13 – 18</i>

# PENGAJIAN AM (900/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 44 204 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 63.17% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	2.05	2.92	8.26	11.77	12.29	9.71	16.22	5.39	10.49	4.39	16.55

SEMESTER 1

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	6	A	11	D
2	B	7	A	12	D
3	D	8	A	13	C
4	B	9	C	14	B
5	C	10	A	15	C

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A pada semester ini berada pada tahap yang baik. Berdasarkan respons calon, didapati bahawa semua soalan aneka pilihan yang dikemukakan pada semester ini mempunyai aras kesukaran yang sederhana, iaitu pada julat antara 0.3 hingga 0.7.

Analisis item juga menunjukkan bahawa sebanyak 30% hingga 70% calon telah berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

## **BAHAGIAN B DAN C: Struktur dan Esei**

### **Komen am**

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon berada pada tahap sederhana. Hal ini kerana kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan sebagaimana kehendak skema jawapan, sebaliknya memberikan jawapan yang lebih berbentuk umum. Calon pada umumnya masih kurang menguasai fakta dan maklumat dengan baik dan tidak mampu mengaplikasikan kemahiran menjawab dengan tepat seperti yang dikehendaki soalan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa kekuatan calon dalam menjawab kertas ini, iaitu calon berupaya memahami kehendak soalan di Bahagian C dengan baik. Hal ini dapat diperhatikan apabila kebanyakan calon berjaya memberikan idea dan huraian yang tepat terhadap soalan yang dikemukakan.

### **Komen soalan demi soalan**

## **BAHAGIAN B: Soalan Struktur**

### **Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat perkara dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memelihara hak rakyat sebagai warga sivil.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Hak kebebasan diri
- (b) Hak bercakap, berhimpun, dan menubuhkan persatuan
- (c) Hak terhadap harta
- (d) Hak berkenaan pendidikan
- (e) Larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak
- (f) Keabdian dan kerja paksa
- (g) Kesamarataan
- (h) Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan dan prosiding berulang
- (i) Kebebasan beragama

Antara kelemahan calon yang ketara ialah memberikan jawapan tidak lengkap dan kurang tepat. Terdapat calon yang gagal memahami kehendak soalan dengan baik sehingga menyebabkan mereka mengutarakan jawapan yang tidak relevan kepada soalan.

Antara contoh jawapan yang mereka berikan adalah dengan memberikan kandungan Perlembagaan Persekutuan, iaitu Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Persekutuan, Kedudukan Raja-Raja, dan kedudukan istimewa kaum bumiputera.

### Soalan 17

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan empat keadaan yang menyebabkan seseorang hilang kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Tidak sempurna akal
- (b) Bankrap yang belum dilepaskan
- (c) Menjawat jawatan berpendapatan
- (d) Memperoleh kewarganegaraan asing
- (e) Disabitkan dengan kesalahan pilihan raya
- (f) Tidak hadir persidangan Parlimen enam bulan berturut-turut tanpa keizinan Majlis Parlimen
- (g) Disabitkan kesalahan oleh mahkamah dan dipenjarakan tidak kurang daripada satu tahun atau didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit

Kebanyakan calon dapat memahami kehendak soalan ini dengan baik dan mereka dapat mengemukakan jawapan yang bersesuaian. Walaupun begitu, masih terdapat calon yang mengemukakan jawapan yang tidak lengkap, seperti tidak hadir ke persidangan Parlimen, dikenakan hukuman penjara selama setahun, tidak hadir persidangan Parlimen selama enam bulan, mufliis, dan dikenakan denda lebih RM2000.

### Soalan 18

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat kuasa kerajaan negeri ke atas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Meluluskan anggaran belanjawan
- (b) Meluluskan pinjaman PBT
- (c) Meluluskan jawatan-jawatan utama
- (d) Melantik ahli-ahli majlis
- (e) Memberikan geran pelancaran
- (f) Mengawal perubahan sempadan
- (g) Mengesahkan undang-undang kecil
- (h) Mengeluarkan arahan,
- (i) Menaiktaraf status PBT
- (j) Mengisytiharkan sesuatu kawasan dalam negeri menjadi kawasan kerajaan tempatan

Antara kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang kurang jelas, seperti melantik ahli PBT, menggubal undang-undang kecil, meluluskan undang-undang, memberikan peruntukan, memberikan geran, dan membuat belanjawan PBT.

Jawapan seperti ini telah menyebabkan calon gagal memperoleh sebarang markah kerana idea yang tidak tepat.

## Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga sebab penjawat awam dilarang daripada menerima atau memberikan hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awam.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Menghalang perbuatan rasuah
- (b) Mencegah penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan
- (c) Menghalang ketidakadilan
- (d) Mewujudkan perkhidmatan awam bersih, cekap, dan amanah
- (e) Meningkatkan kepercayaan pelanggan
- (f) Memelihara imej perkhidmatan awam
- (g) Menjamin integriti penjawat awam

Sebahagian besar calon dapat mengemukakan jawapan yang tepat terhadap soalan ini. Calon berjaya menjawab soalan ini dengan mengemukakan jawapan, seperti mengelakkan rasuah, meningkatkan keyakinan rakyat, meningkatkan integriti penjawat awam, dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa, serta meningkatkan imej perkhidmatan awam.

Selain itu, calon juga menulis jawapan seperti menggalakkan penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan, menggalakkan ketidakadilan, mengurangkan kepercayaan pelanggan, menjejaskan imej perkhidmatan awam, dan menjejaskan integriti penjawat awam.

Terdapat calon yang mengemukakan jawapan yang kurang tepat seperti melahirkan penjawat awam yang amanah, meningkatkan integriti sektor kerajaan dan meningkatkan integriti perkhidmatan awam.

## BAHAGIAN C: Soalan Esei

### Soalan 20

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan cara untuk menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan rakyat kepada pihak berkuasa selain daripada melakukan demonstrasi.

Antara idea jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah seperti yang berikut:

- (a) Demonstrasi (idea wajib)
- (b) Media sosial
- (c) Sudut ucapan awam
- (d) Bicara televisyen (talk show)
- (e) Dialog bersama rakyat
- (f) Biro Pengaduan Awam dan memorandum

Secara umumnya, kebanyakan calon dapat menulis karangan yang baik dengan mengemukakan idea yang tepat dan relevan. Terdapat juga calon yang dapat mengemukakan idea kurang tepat tetapi masih relevan seperti menulis surat aduan dan mengadakan perbincangan atau mesyuarat dengan pihak berkuasa. Antara kelemahan calon ialah menulis karangan yang menyeleweng kerana tidak memahami kehendak soalan dengan baik. Contohnya, menghuraikan kesan demonstrasi, seperti mewujudkan perselisihan faham, menjejaskan ketenteraman awam, menjejaskan imej negara, mengancam keselamatan negara, dan menimbulkan pergaduhan dalam kalangan masyarakat.

## Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kepentingan perpaduan untuk keharmonian dan kestabilan negara serta langkah yang telah dilaksanakan untuk mengukuhkannya.

Antara idea kepentingan perpaduan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Menjamin keamanan dan kestabilan negara
- (b) Menjamin pembangunan negara berterusan
- (c) Menjamin kedaulatan bangsa dan negara
- (d) Menjamin kesejahteraan rakyat

Antara idea langkah mengukuhkan perpaduan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Mentransformasikan sistem pendidikan kebangsaan
- (b) Merapatkan jurang ekonomi antara rakyat
- (c) Menggiatkan program perpaduan rakyat
- (d) Merapatkan jurang fizikal
- (e) Meningkatkan kesedaran

Majoriti calon dapat mengemukakan idea yang tepat dan relevan. Hanya segelintir calon yang gagal memahami kehendak soalan dengan baik dengan mengemukakan idea tentang keharmonian dan kestabilan negara, seperti mengelakkan persengketaan, meningkatkan kerjasama rakyat, mewujudkan sikap saling menghormati, dan meningkatkan imej negara.

Calon yang tidak memahami kehendak soalan juga memberikan kepentingan perpaduan daripada aspek politik dan ekonomi, seperti menarik pelabur, meningkatkan ekonomi negara, meningkatkan imej negara, dan meningkatkan kestabilan politik. Selain itu, kebanyakan calon memahami kehendak soalan tetapi mengemukakan idea yang tidak relevan, seperti mengadakan sambutan Hari Kebangsaan, mengadakan kempen, mengamalkan sikap toleransi, mengadakan rumah terbuka, dan menguatkuasakan undang-undang.

## Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kesan teknologi digital yang berkembang pesat pada masa ini kepada sistem politik sesebuah negara.

Antara kesan positif perkembangan teknologi digital kepada sistem politik adalah seperti yang berikut:

- (a) Menjamin keselamatan
- (b) Penyebaran maklumat kerajaan
- (c) Meningkatkan daya saing negara
- (d) Meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan

Antara kesan negatif pula ialah:

- (a) Menggugat kestabilan politik
- (b) Menjejaskan kredibiliti pemimpin
- (c) Menjatuhkan imej negara
- (d) Merosakkan perpaduan negara
- (e) Kebocoran rahsia kerajaan

Secara umumnya, jawapan calon bagi soalan ini menunjukkan kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan yang menghendaki calon menjelaskan kesan perkembangan pesat teknologi digital kepada sistem politik sesebuah negara.

Calon hanya menjelaskan kesan secara umum dan tidak menjurus kepada sistem politik seperti masyarakat mudah berhubung, ancaman jenayah, meningkatkan imej negara, memudahkan urusan jual beli, melahirkan masyarakat yang celik IT, meningkatkan ekonomi negara, meningkatkan kadar jenayah, meningkatkan hubungan diplomatik, dan meningkatkan interaksi sosial.

Selain itu, calon yang gagal memahami maksud sistem politik juga turut memberikan kepentingan teknologi digital kepada parti politik atau ahli politik, seperti memudahkan pengundian, mengganggu penjumlahan undi, mudah berkempen untuk menarik pengundi, memudahkan ahli politik membuat manifesto, dan mewujudkan persaingan antara parti-parti politik.



# PENGAJIAN AM (900/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 43 536 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 54.66% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.11	7.29	7.86	13.74	7.69	4.02	7.95	8.29	4.13	8.21	24.71

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan dan prestasi pencapaian calon berada pada tahap yang sederhana. Prestasi calon pada bahagian A adalah kurang baik. Sebahagian besar calon gagal menjawab soalan di bahagian ini dengan baik. Terdapat calon yang tidak menjawab keempat-empat soalan struktur yang dikemukakan. Jawapan yang dikemukakan calon menunjukkan mereka tidak memberi fokus terhadap kehendak soalan secara spesifik dan kurang membuat persediaan bagi menjawab kesemua soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini. Selain itu, calon juga didapati mempunyai pengetahuan yang terhad berkaitan isu yang dibincangkan, tidak memahami dengan jelas kehendak soalan, dan tidak menggunakan teknik menjawab yang betul.

Dalam Bahagian B pula, sebahagian besar calon dapat menentukan media yang perlu disediakan dengan tepat dan menguasai teknik menghasilkan graf yang betul. Calon juga dapat melukis graf yang lengkap beserta dengan tajuk, label, dan unit yang betul. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil calon yang gagal memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan dalam bahagian ini. Antara kelemahan yang dikenal pasti seperti tidak menulis petunjuk, label pada paksi, dan nilai unit pada paksi Y. Terdapat juga calon yang melukis media yang salah. Dari aspek membina jadual pula, ramai calon gagal menulis maklumat lengkap bagi sebuah jadual, seperti tidak menulis tajuk, salah unit, butiran tidak lengkap, dan tiada penulisan sumber.

Dalam Bahagian C, kebanyakan calon tidak berupaya mengemukakan lima idea yang relevan ke atas soalan-soalan yang dikemukakan. Mutu jawapan calon juga berada pada tahap yang lemah dan sederhana bagi menghasilkan sebuah karangan. Sebahagian besar calon hanya dapat mengemukakan satu atau dua idea yang tepat sahaja. Antara kelemahan calon yang turut dikenal pasti adalah, seperti mengemukakan idea yang tidak tepat, memberikan huraian yang terlalu ringkas, dan mengemukakan huraian tanpa memberikan idea.

Dari aspek perancangan, majoriti calon gagal merancang dan mengurus masa dengan baik semasa menduduki peperiksaan kertas ini sehingga menjejaskan mutu jawapan yang diberikan. Kebanyakan calon gagal menjawab keempat-empat soalan struktur kerana masa banyak dihabiskan dalam menjawab soalan alih bentuk komunikasi (Bahagian B). Bagi soalan karangan pula (Bahagian C), kebanyakan calon gagal menyenaraikan lima idea yang relevan.

Dari aspek bahasa, kebanyakan calon menunjukkan penguasaan bahasa yang kurang memuaskan kerana pelbagai kesalahan bahasa dapat dikesan dalam penulisan karangan mereka. Antara kesalahan bahasa yang sering kali dilakukan oleh calon adalah menulis ayat yang tidak mempunyai komponen yang lengkap, iaitu tiada subjek, predikat, atau mengandungi frasa yang tidak lengkap. Terdapat juga calon yang menulis ayat-ayat tergantung dan ayat yang terlalu panjang. Selain itu, calon juga banyak melakukan kesalahan ejaan, tanda baca, struktur ayat, dan tatabahasa. Kesalahan penggunaan kata pemeris “ialah” dan “adalah” juga banyak dilakukan oleh calon. Kesalahan penggunaan imbuhan juga dikesan dalam penulisan karangan calon.

Antara kelemahan bahasa lain adalah seperti yang berikut:

- (a) Penggunaan tatabahasa yang lemah:
  - i. Penggunaan kata sendi “di”, “dari”, “daripada”, dan “dengan” secara salah. Demikian juga penggunaan imbuhan “memper” dan “memper...kan”
  - ii. Kekeliruan penggunaan kata prafrasa (kata pemeris) “ialah” dan “adalah”
  - iii. Kesalahan menggunakan kata majmuk, seperti “ibubapa” dan “jalanraya”
  - iv. Penggunaan kata “ini kerana”, “ini menyebabkan”, “merosakan”, dan “contohnya” pada pangkal ayat
  - v. Kesilapan ejaan, seperti “memperolehi”, “kerosakkan”, “berkerja”, dan kesilapan menulis huruf kecil dan huruf besar
  - vi. Memulakan ayat dengan menggunakan kata kerja, misalnya “menyukarkan”, “melainkan itu”, “menjadikan”, dan sebagainya
- (b) Struktur ayat yang terlalu panjang dan sukar difahami. Terdapat beberapa calon menggunakan satu ayat dalam satu perenggan
- (c) Peletakan tanda baca yang salah, seperti tanda ‘,’ dan ‘.’
- (d) Calon mengemukakan lebih daripada satu idea dalam satu perenggan.
- (e) Calon meletakkan ‘huraian idea’ mendahului ‘idea utama’.
- (f) Majoriti calon mengemukakan atau memetik kata-kata pemimpin, siaran berita, dan petikan dalam kajian mahasiswa dengan panjang lebar untuk menyokong idea mereka. Terdapat juga petikan ucapan dan komen yang diberikan tidak bersesuaian serta tidak signifikan dengan idea yang dikemukakan.

### **Komen soalan demi soalan**

#### **BAHAGIAN A: Soalan Struktur**

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat faedah hasil pengaplikasian ilmu sains dan teknologi untuk mentransformasikan negara ke arah negara maju. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- (a) Melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran atau berpengetahuan tinggi
- (b) Memajukan aspek pembangunan dan penyelidikan
- (c) Melahirkan individu yang kreatif atau inovatif
- (d) Mengembangkan penguasaan sains dan teknologi
- (e) Meluaskan pasaran produk
- (f) Meningkatkan produktiviti

Antara kelemahan calon yang ketara dalam soalan ini ialah kebanyakan calon gagal mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan, seperti meningkatkan taraf hidup atau kualiti hidup rakyat, meningkatkan imej negara, meningkatkan infrastruktur, meningkatkan pelaburan asing, dan meningkatkan pembangunan negara. Jawapan seperti ini menggambarkan bahawa calon seolah-olah tidak memahami maksud ‘mentransformasikan’ dalam soalan.

## Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon memberikan empat tujuan kerajaan melaksanakan Dasar Penswastaan. Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- (a) Meringankan beban kewangan kerajaan
- (b) Meningkatkan mutu perkhidmatan atau produktiviti
- (c) Mengagihkan sumber yang ada dengan cekap
- (d) Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan lebih pesat
- (e) Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dengan lebih cepat
- (f) Mempercepat pencapaian matlamat dasar negara

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan baik, iaitu dapat mengemukakan dua atau tiga idea yang bertepatan dengan tujuan pelaksanaan Dasar Penswastaan. Hal ini menunjukkan bahawa calon memahami dan mempunyai pengetahuan tentang Dasar Penswastaan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Namun demikian, terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang tidak relevan atau menyeleweng, seperti meningkatkan taraf hidup, memberikan peluang pekerjaan, meningkatkan peluang kerja, menghapuskan salah faham antara sektor awam dengan sektor swasta, mengurangkan beban kerajaan, meningkatkan pendapatan, mengurangkan kadar kemiskinan, mengurangkan kadar pengangguran, mengeratkan hubungan antara sektor awam dengan sektor swasta, meningkatkan pelaburan, meningkatkan teknologi moden, dan mengadakan hubungan baik dengan negara luar.

## Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon memberikan tiga prinsip utama dalam Model Baru Ekonomi untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Prinsip utama yang perlu diberikan oleh calon ialah berkaitan ekonomi berpendapatan tinggi, kemampunan, dan keterangkuman atau inklusif.

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini disebabkan oleh calon kurang pengetahuan tentang prinsip-prinsip utama yang dinyatakan dalam Model Baru Ekonomi. Hal ini dapat diperhatikan melalui kualiti jawapan yang diberikan oleh calon. Antara jawapan yang kurang tepat diberikan oleh calon ialah, seperti mengurangkan kemiskinan, meningkatkan ekonomi negara, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Gagasan 1Malaysia, memajukan ekonomi, memberikan bantuan subsidi, meningkatkan taraf hidup, dan menambahkan peluang pekerjaan. Terdapat juga calon yang langsung tidak menjawab soalan ini.

## Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menerangkan dua strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan tara hidup isi rumah berpendapatan rendah. Antara strategi yang boleh dikemukakan oleh calon ialah:

- (a) Penyediaan infrastruktur asas
- (b) Mewujudkan peluang pekerjaan
- (c) Meningkatkan gaji minimum
- (d) Menyediakan peluang perniagaan
- (e) Memberi latihan
- (f) Menyediakan bantuan kebajikan
- (g) Menyediakan insentif kewangan atau bantuan modal
- (h) Meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi

Sebahagian, besar calon dapat mengemukakan idea yang tepat terhadap soalan ini namun tidak dapat menghuraikannya dengan jitu. Antara contoh jawapan menyeleweng yang diberikan oleh calon ialah menyediakan perumahan dan menyediakan kemudahan pendidikan. Terdapat juga calon yang mengemukakan idea yang umum dan tidak jelas, seperti memberikan bantuan.

## **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan aduan berkaitan dengan perkhidmatan air yang diterima mengikut negeri terpilih dan jenis aduan pada tahun 2015 dan pada tahun 2016. Graf yang sesuai untuk dihasilkan berdasarkan maklumat yang diberi dalam petikan ialah graf piramid kompaun. Kebanyakan calon dapat memahami soalan dengan baik dan mampu menganalisis data yang diberikan dengan baik serta menghasilkan media yang tepat. Majoriti calon juga dapat membuat pengiraan dengan tepat dan berjaya memindahkan data dalam petikan ke dalam jadual dengan lengkap.

Selain itu, calon berjaya melengkapkan media yang cuba dihasilkan yang memerlukan calon untuk melukis graf piramid kompaun secara kemas dan lengkap. Dapat dilihat juga majoriti calon dapat menguruskan masa dengan baik dalam menjawab soalan ini. Sebahagian calon yang memilih untuk menjawab soalan ini mampu memperoleh markah antara 14 hingga 20 markah. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- (a) Jadual yang dikemukakan tanpa label “Bilangan Aduan Perkhidmatan Air” dan tanpa unit “Kes”.
- (b) Jadual yang dikemukakan salah label, iaitu calon mengemukakan “Masalah” sebagai label sedangkan sepatutnya “Jenis Aduan”.
- (c) Jadual yang dikemukakan oleh calon tidak mengemukakan label yang lengkap, seperti hanya hanya menyatakan “Bilangan aduan yang diterima” sedangkan label yang sepatutnya ialah “Bilangan aduan perkhidmatan air”.
- (d) Unit yang dinyatakan dalam jadual oleh calon salah. Unit yang dikemukakan calon adalah “Ribu kes” sedangkan unit yang sepatutnya ialah “Kes” sahaja.
- (e) Mengemukakan data yang salah dalam jadual, seperti data untuk 2016 bagi kes paip pecah negeri Kedah. Data yang dikemukakan oleh calon ialah 35 434 kes, data yang sepatutnya 37 212 kes. Begitu juga data masalah gangguan bekalan air tahun 2016 di negeri Johor. Data yang dikemukakan calon ialah 34 691 kes sedangkan data yang sepatutnya ialah 68 851 kes.
- (f) Graf yang dikemukakan calon tidak mempunyai label dan unit.
- (g) Calon cuai dalam membuat plot nilai yang tepat pada graf.
- (h) Calon gagal melukis graf dan hanya mengemukakan jadual.
- (i) Calon mengemukakan media yang salah.
- (j) Calon hanya menulis tajuk atau membina garis paksi tanpa maklumat pada kertas graf.

### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan bilangan permohonan mengikut skim pengeluaran dan jumlah keseluruhan amaun pengeluaran yang diluluskan oleh Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP) di Malaysia dari tahun 2015 hingga tahun 2016. Graf yang sesuai dan tepat untuk soalan ini ialah graf gabungan (graf bar kompaun dan graf garis). Majoriti calon dapat menentukan media dengan tepat dan dapat menghasilkannya dengan baik. Kebanyakan calon yang memilih untuk menjawab soalan ini memperoleh markah yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang tidak dapat menghasilkan graf dengan baik disebabkan kelalaian mereka, seperti tidak

menulis unit “permohonan” pada paksi Y1 dan tidak menulis “RM Juta” bagi unit di paksi Y2, dan label paksi Y1 tidak lengkap iaitu “bilangan permohonan”. Kelalaian ini telah menjejaskan kualiti jawapan calon secara keseluruhannya. Calon yang dikategorikan sebagai salah media pula melukis graf bar piramid kompaun dan graf bar kompaun. Selain itu, terdapat juga calon yang melukis empat garis untuk bahagian graf garis. Perkara ini telah menjejaskan markah calon tersebut kerana calon sepatutnya melukis satu garis sahaja berdasarkan arahan soalan, iaitu jumlah keseluruhan amaun pengeluaran.

Antara kelemahan-kelemahan lain yang dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

- (a) Jadual yang dikemukakan tidak mempunyai label yang lengkap. Label yang dikemukakan oleh calon ialah “Jumlah keseluruhan amaun pengeluaran yang diluluskan”. Label yang sepatutnya ialah “Amaun Pengeluaran KWSP”.
- (b) Jadual yang dikemukakan tiada sumber.
- (c) Mengemukakan data yang salah pada jadual. Sebagai contohnya, data bilangan permohonan bagi skim pengeluaran perumahan tahun 2016, calon mengemukakan 237 523 permohonan sedangkan data yang sepatutnya ialah 237 522 permohonan. Begitu juga data amaun pengeluaran KWSP tahun 2015, calon mengemukakan nilai RM4909 juta bagi skim pengeluaran perumahan sedangkan data yang sepatutnya ialah RM4609 juta.
- (d) Mengemukakan unit yang salah pada jadual.
- (e) Mengemukakan jadual tanpa tajuk.
- (f) Tidak meletakkan label pada graf yang dihasilkan.
- (g) Mengemukakan graf yang tiada unit dan salah unit.
- (h) Kesilapan plot nilai pada graf.
- (i) Kesilapan menulis petunjuk.

## **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

### **Soalan 7**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Antara usaha kerajaan yang calon boleh kemukakan ialah seperti yang berikut:

- (a) Melaksanakan dasar-dasar kerajaan
- (b) Menggalakkan kemasukan pelabur
- (c) Menyediakan tenaga buruh yang mencukupi
- (d) Meluaskan pasaran
- (e) Pemberian dana penyelidikan
- (f) Meningkatkan kemudahan infrastruktur
- (g) Memajukan industri sokongan
- (h) Menggalakkan program penyelidikan dan pembangunan
- (i) Menaik taraf infrastruktur negara
- (j) Menggalakkan pemindahan atau perkongsian teknologi moden

Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat memberikan idea yang relevan dan bersesuaian dengan kehendak soalan. Antara kelemahan calon yang dikenal pasti ialah gagal memahami maksud soalan sehingga menyebabkan karangan yang mereka hasilkan menyeleweng. Selain itu, terdapat juga calon yang memberikan jawapan tidak tepat dengan menyatakan idea berkaitan dengan sembilan cabaran dalam Wawasan 2020. Antara contoh jawapan yang tidak relevan dikemukakan oleh calon adalah, seperti membuka lebih banyak kilang, membina sekolah kemahiran, membekalkan bahan mentah kepada industri, menawarkan pelbagai peluang pekerjaan, dan mewujudkan gaji yang lumayan.

## Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon membincangkan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Antara usaha kerajaan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah seperti yang berikut:

- (a) Menghayati Rukun Negara
- (b) Melalui pemantapan pendidikan
- (c) Penglibatan dalam aktiviti sukan
- (d) Melaksanakan program kemasyarakatan
- (e) Melaksanakan kempen kesedaran perpaduan
- (f) Melalui pelaksanaan dasar-dasar kerajaan
- (g) Menguatkuasakan undang-undang

Sebahagian besar calon dapat memahami kehendak soalan dengan baik dan mampu mengemukakan idea yang relevan kepada soalan, namun calon masih gagal mendapat markah penuh bagi idea kerana kebanyakan idea yang diberikan berkisar pada contoh dan huraian idea. Contohnya, calon mengemukakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Sukan Negara, dan Dasar Pendidikan Negara sedangkan idea sepatutnya ialah pelaksanaan dasar-dasar kerajaan.

# PENGAJIAN AM (900/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 43 074 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 56.40% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.65	6.05	0.00	7.55	8.93	10.30	10.92	10.38	13.05	6.63	13.53

## RESPONS CALON

### BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

#### Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	D	6	B	11	C
2	A	7	C	12	B
3	D	8	A	13	A
4	C	9	D	14	C
5	B	10	D	15	A

#### Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A pada semester ini berada pada tahap yang baik. Berdasarkan respons calon, semua soalan aneka pilihan yang dikemukakan mempunyai aras kesukaran yang sederhana, iaitu pada julat antara 0.3 hingga 0.8.

Analisis item menunjukkan bahawa sebanyak 30% hingga 77% calon telah berjaya menjawab soalan aneka pilihan dengan betul.

## **BAHAGIAN B DAN C: Alih Bentuk Komunikasi dan Esei**

### **Komen am**

Aspek yang diuji dalam kertas peperiksaan semester ini ialah berkaitan dengan tajuk Malaysia dan Negara Luar. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah pada tahap sederhana kerana kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan sebagaimana kehendak skema jawapan dan sebaliknya memberikan jawapan yang berbentuk umum.

Calon pada umumnya masih kurang menguasai fakta atau maklumat yang ditanya dalam soalan. Dari aspek perancangan pula, majoriti calon dapat merancang jawapan dengan baik dan dapat mengemukakan jawapan terhadap semua soalan.

Mutu jawapan untuk bahagian B secara relatifnya berada pada tahap sederhana. Tugasan bagi kedua-dua soalan dalam bahagian ini, iaitu soalan 16 dan soalan 17 adalah jelas dan boleh difahami oleh calon dengan baik.

Majoriti calon dapat menentukan jenis analisis yang tepat ke atas data yang diberi dalam soalan. Kefahaman yang jelas tentang kehendak soalan dan penelitian terhadap maklumat dalam jadual turut membantu calon menentukan sama ada perlu menganalisis data secara bandingan atau secara perubahan atau kedua-duanya sekali.

Untuk Bahagian C pula, pada keseluruhannya majoriti calon gagal mengemukakan 5 idea yang relevan dengan kehendak soalan. Terdapat ramai calon yang mengemukakan esei yang menyeleweng kerana idea yang diberikan dalam jawapan adalah tidak relevan dengan tugasan soalan.

Ramai yang mengemukakan idea yang mirip kepada idea skema jawapan tetapi tidak relevan. Ramai juga calon yang hanya mampu mengemukakan satu hingga tiga idea sahaja. Kebanyakan calon melakukan kesalahan yang ketara, iaitu mengemukakan idea yang tidak berfokus kepada kehendak soalan yang dikemukakan

### **Komen soalan demi soalan**

## **BAHAGIAN B: Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

### **Soalan 16**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pola kes yang melibatkan warga asing dalam jenayah indeks terpilih di negeri Sarawak dari tahun 2013 hingga tahun 2015 dan menjelaskan usaha yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengatasi masalah jenayah yang melibatkan warga asing di Malaysia.

Sebahagian besar calon mampu menjawab dengan tepat bahagian pertama soalan ini, iaitu mengemukakan dua analisis pola kes dengan memberi data mentah dan data analisis dengan tepat. Namun, bagi idea pola tidak konsisten, kebanyakan pelajar tidak menyatakan ketiga-tiga jenayah yang terlibat dalam huraian yang mereka berikan. Hal ini berlaku sama ada calon tidak dapat menganalisis data dengan baik ataupun kerana kecuaiannya dalam meneliti data yang diberikan dalam soalan.

Kebanyakan calon mampu memberikan jawapan tepat untuk bahagian pertama soalan yang dikemukakan, iaitu dapat memberikan idea pola kes yang tepat dalam bahagian analisis data. Sebilangan besar calon mampu menulis lebih daripada dua idea untuk bahagian pertama soalan dan hampir kesemuanya adalah



tepat. Namun, kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan oleh calon yang menyebabkan kegagalan calon mendapat markah yang baik untuk idea analisis data ialah tidak menulis nilai, label, atau unit, seperti peratusan, perkataan kes, tahun asas dan tahun akhir dalam jawapan mereka.

Di samping itu, terdapat calon yang menggantikan istilah yang menunjukkan peningkatan atau meningkat dengan istilah perbezaan atau sebanyak. Terdapat juga calon yang salah menggunakan perkataan meningkat sebanyak kerana sepatutnya calon menulis perkataan meningkat kepada untuk menghuraikan pola kes yang ditunjukkan dalam jadual.

Untuk bahagian kedua soalan pula, iaitu menjelaskan usaha yang diambil oleh PDRM untuk mengatasi masalah jenayah yang melibatkan warga asing di Malaysia, calon mampu memberikan idea yang relevan mengikut kehendak soalan.

Terdapat jawapan yang popular dalam kalangan calon yang tidak relevan dengan kehendak soalan, iaitu idea penguatkuasaan undang-undang dan melaksanakan kempen. Kebanyakan calon menjadikan kedua-dua idea ini sebagai idea dalam jawapan mereka namun tidak menepati keperluan sekma jawapan yang diperuntukkan.

Antara jawapan yang sepatutnya calon berikan ialah pola kes yang melibatkan warga asing dalam jenayah indeks terpilih di negeri Sarawak dari tahun 2013 hingga tahun 2015 ialah jumlah keseluruhan kes dari tahun 2013 hingga tahun 2015 meningkat. Hal ini kerana jumlah kes meningkat dari tahun 2013 hingga tahun 2015 (kes cederakan orang), kes tidak konsisten dari tahun 2013 hingga tahun 2015 (kes bunuh, kes pecah rumah dan kes curi), jenayah indeks tertinggi bagi ketiga-tiga tahun (kes pecah rumah) serta jenayah indeks terendah bagi tahun 2013 (kes bunuh dan cederakan orang) dan bagi tahun 2014 dan tahun 2015 (kes bunuh).

Usaha yang boleh diambil oleh PDRM pula ialah mengenal pasti sindiket warga asing, meningkatkan pemantauan atau kawalan, bekerjasama dengan penduduk tempatan, membentuk pasukan khas, mengadakan kerjasama dengan pihak INTERPOL, meningkatkan kerjasama dengan agensi penguat kuasa lain, menangkap warga asing yang melanggar undang-undang, dan meningkatkan penggunaan teknologi moden.

Antara kesilapan utama calon dalam menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Tidak menulis kesimpulan di akhir jawapan
- (b) Menggabungkan idea analisis data dan analisis pengetahuan dalam satu perenggan
- (c) Tidak menggunakan dua titik perpuluhan bagi data yang dibundarkan
- (d) Menggunakan simbol negatif untuk penurunan (contoh: - 87.88%)
- (e) Tidak tahu cara pengiraan bagi penurunan dan peningkatan
- (f) Tidak menyatakan perkataan jumlah bagi idea satu, iaitu jumlah keseluruhan meningkat
- (g) Tidak menulis unit (kes) dengan tepat
- (h) Tidak menulis perkataan peningkatan atau penurunan sebanyak tetapi menggunakan perkataan perbezaan sebanyak
- (i) Menulis idea secara umum yang menyebabkan idea tersebut menjadi tidak relevan bagi soalan ini

### Soalan 17

Soalan ini menghendaki calon membandingkan jumlah kedatangan pelancong dengan jumlah pendapatan dari tahun 2012 hingga tahun 2016 dan menghuraikan masalah yang boleh menggugat kehadiran pelancong asing ke negara ini. Kebanyakan calon yang memilih untuk menjawab soalan ini, gagal membuat analisis data perbandingan hubung kait, iaitu jumlah kedatangan pelancong dengan jumlah pendapatan dalam satu perenggan dengan baik.

Calon membandingkan jawapan secara terpisah iaitu data tertinggi dan data terendah jumlah kedatangan pelancong, dan perenggan seterusnya data tertinggi dan data terendah jumlah pendapatan.

Walaupun kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan idea atau jawapan dengan baik dalam bahagian analisis data, namun kebanyakan calon berjaya memberikan idea yang relevan berkaitan masalah yang menggugat kehadiran pelancong asing ke negara ini serta menghuraikannya dengan baik.

Antara idea yang banyak diutarakan oleh calon ialah ancaman penyakit, ancaman bencana alam, dan ancaman jenayah.

Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah jumlah tertinggi kedatangan pelancong pada tahun 2014, manakala jumlah pendapatan tertinggi pada tahun 2016. Bagi jumlah terendah kedatangan pelancong ialah pada tahun 2012, manakala jumlah pendapatan terendah ialah pada tahun 2012. Kedua-dua idea yang dinyatakan ini perlu diberikan huraian dengan jelas dengan memberikan data yang tepat berdasarkan jadual yang diberikan dalam soalan.

Jawapan bagi masalah yang boleh menggugat kehadiran pelancong asing ke negara ini ialah ketidakstabilan politik, tahap keselamatan pelancong, ancaman kesihatan atau ancaman penyakit, persaingan dengan destinasi pelancongan negara lain, penurunan nilai keindahan kawasan pelancongan, ancaman bencana alam, kadar tukaran wang asing, ancaman jenayah, dan kurang kemudahan untuk pelancong.

Antara kesilapan utama calon dalam menjawab soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Tidak membandingkan jumlah kedatangan pelancong dengan jumlah pendapatan
- (b) Membandingkan mengikut jumlah paling tinggi dan paling rendah mengikut jumlah kedatangan pelancong dan jumlah pendapatan
- (c) Menulis pola perubahan (meningkat atau menurun) sebagai jawapan
- (d) Tidak menulis kesimpulan di akhir jawapan
- (e) Menggabungkan idea analisis data dan analisis pengetahuan dalam satu perenggan
- (f) Jawapan bagi analisis pengetahuan merujuk kepada masalah yang dibawa oleh pelancong asing ke negara ini

## **BAHAGIAN C: Soalan Esei**

### **Soalan 18**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan manfaat yang diperoleh Malaysia hasil menjadi tuan rumah bagi acara sukan antarabangsa. Sebahagian besar calon yang memilih untuk menjawab soalan ini telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya satu idea jawapan yang tepat.

Antara idea jawapan yang banyak diutarakan oleh calon adalah idea meningkatkan imej negara, meningkatkan pendapatan negara, meningkatkan peluang pekerjaan prasarana sukan dapat dimajukan, dan meningkatkan mutu sukan negara. Namun begitu, terdapat ramai calon yang menyatakan huraian sebagai idea utama dalam jawapan mereka. Contohnya, “mengeratkan hubungan diplomatik dengan negara luar” iaitu huraian kepada idea hubungan silaturahim dengan negara luar dapat diertakan.

Antara idea jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon adalah, seperti hubungan silaturahim dengan negara luar dapat diertakan, peluang pekerjaan meningkat, pendapatan negara bertambah atau ekonomi negara meningkat, industri hiliran berkembang maju, meningkatkan imej negara, mendedahkan

sukan antarabangsa kepada rakyat, prasarana sukan dapat dimajukan, meningkatkan mutu sukan negara, mengeratkan hubungan sosial atau silaturahim antara rakyat Malaysia dengan rakyat negara luar, perpaduan antara kaum di Malaysia dapat diertakan, dan sosiobudaya rakyat tempatan dapat diperkenalkan ke persada dunia.

Secara umumnya, calon yang menjawab soalan ini dapat memahami kehendak soalan dengan baik kerana tugasan soalan ini jelas. Calon dapat menjawab dengan mengemukakan idea lima idea berkaitan manfaat diperoleh Malaysia sebagai tuan rumah bagi acara sukan antarabangsa.

Terdapat calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat dan bernas serta mengemukakan lebih daripada 3 idea yang tepat. Terdapat juga sebahagian calon yang berjaya menulis huraian secara mendalam dengan menyatakan kejayaan Malaysia sebagai tuan rumah menerusi pengurusan urus setia yang cekap, kemudahan penginapan yang lengkap, dan peralatan sukan yang canggih.

Kelemahan utama calon dalam menjawab soalan ini adalah mengemukakan idea yang kurang tepat terhadap soalan namun masih relevan dan idea yang tidak relevan. Selain itu, calon juga tidak dapat menghasilkan huraian yang tepat terhadap idea yang dikemukakan sebagai jawapan.

Kedua ini telah menyebabkan karangan yang dihasilkan oleh calon menjadi kurang jelas dan tidak mantap.

## Soalan 19

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan usaha yang telah dilaksanakan oleh Malaysia bagi menangani perluasan aktiviti keganasan pada peringkat serantau dan antarabangsa. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan idea dan huraian yang menepati kehendak soalan. Dapat dikenal pasti bahawa pengetahuan calon berkaitan dengan isu keganasan antarabangsa amat lemah. Terdapat juga calon yang mempuyai kefahaman salah terhadap istilah keganasan. Terdapat juga calon yang menyatakan isu keganasan rumah tangga dan buli sebagai satu bentuk aktiviti keganasan pada peringkat serantau dan antarabangsa. Selain itu, perbincangan jawapan calon juga kebanyakannya tidak menyentuh isu antarabangsa dan hanya tertumpu dalam ruang lingkup negara Malaysia sahaja. Antara contoh idea jawapan yang dikemukakan oleh calon dan tidak relevan kepada kehendak soalan ialah, seperti menjalinkan hubungan diplomatik, mengadakan kempen kesedaran, dan menyertai Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN), The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah meningkatkan kerjasama dengan negara serantau dan antarabangsa, menganjurkan rundingan damai di wilayah-wilayah berkonflik, mempromosikan pendekatan kesederhanaan, menyertai dialog atau forum antarabangsa, menggerakkan pasukan keselamatan bersama, menyertai misi keselamatan, menubuhkan pusat mencegah keganasan, menyuarakan bantahan terhadap aktiviti keganasan pada peringkat antarabangsa, dan mengadakan latihan ketenteraan bersama negara-negara luar.

Kelemahan utama calon dalam menjawab soalan ini ialah kebanyakan mereka hanya menghuraikan tentang penglibatan Malaysia dalam organisasi antarabangsa, seperti menjadi ahli PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam dan ASEAN.

Terdapat juga calon yang menulis idea keterlibatan Malaysia dalam ASEAN dengan memfokuskan idea kepada ZOPFAN dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) menyebabkan jawapan mereka tidak tepat.

## Soalan 20

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan langkah yang telah diambil oleh Malaysia pada peringkat antarabangsa bagi menangani isu pemanasan global. Secara umumnya, prestasi jawapan calon untuk soalan ini adalah kurang memuaskan. Sebahagian besar calon gagal memahami kehendak soalan dengan baik dan dapat dinyatakan bahawa pengetahuan calon berkenaan langkah yang diambil oleh Malaysia untuk menangani isu pemanasan global pada peringkat serantau dan antarabangsa amat terhad. Didapati juga kebanyakan calon menjadikan huraian atau contoh sebagai idea jawapan utama. Hal ini menyebabkan idea yang diberikan dikategorikan sebagai tidak relevan.

Antara jawapan yang boleh dikemukakan oleh calon ialah menandatangani perjanjian alam sekitar antarabangsa, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan kelestarian alam sekitar, menyertai kempen mengurangkan pemanasan global, meningkatkan pemuliharaan atau pemeliharaan alam sekitar, menyertai persidangan atau dialog antarabangsa berkaitan alam sekitar, mengadakan kerjasama dengan negara serantau atau antarabangsa, meningkatkan penggunaan teknologi mesra alam, melaksanakan matlamat pembangunan lestari, dan memperkasa penguatkuasaan undang-undang berkaitan alam sekitar.

Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal mentafsir kehendak soalan dengan baik. Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa ayat pertama soalan perlu dihuraikan kehendaknya, sedangkan ayat tersebut hanya satu pernyataan tentang fenomena umum yang menyebabkan pemanasan global. Terdapat juga calon yang menyenaraikan tugas soalan yang salah iaitu punca berlaku pemanasan global dan kesan pemanasan global.

Pengetahuan calon juga agak terhad berkaitan langkah yang telah diambil oleh Malaysia pada peringkat antarabangsa bagi menangani isu pemanasan global. Kebanyakan idea yang diberikan oleh calon juga tidak dikaitkan dengan peringkat antarabangsa secara jelas dan huraian tidak dikaitkan dengan alam sekitar atau pemanasan global secara jelas.

Terdapat juga calon yang menulis contoh sebagai idea utama seperti menganjurkan 'Earth Hour'. Hal ini menunjukkan bahawa calon memahami isu bagi soalan, tetapi jawapan yang diberi tidak menepati skema jawapan yang ditetapkan. Dari segi huraian, calon tidak dapat memberikan contoh-contoh yang relevan bagi menyokong huraian dan telah menyebabkan keseluruhan karangan tidak mantap.

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



**SASBADI SDN. BHD.**, 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)